

KEPERLUAN PENGISYTIHARAN PEMILIKAN BAGI PEMEGANG LESEN YANG MENJALANKAN AKTIVITI PENJUALAN (SYARIKAT PENJUAL) YANG MEMILIKI ATAU MENSTOR SUMBER SINARAN

LATAR BELAKANG

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada pemegang lesen yang melakukan aktiviti penjualan (syarikat penjual) berhubung keperluan mengisytiharkan pemilikan melalui penyata pemilikan secara dalam talian melalui eSPP jika memiliki atau menstor sumber sinaran¹.
2. Mana-mana orang yang berurusan dengan sumber sinaran hendaklah memiliki suatu lesen yang sah di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304]. Di bawah Seksyen 2 Akta 304, “berurusan dengan” merujuk kepada aktiviti yang melibatkan sumber sinaran yang dikilang, diperdagang, dikeluarkan, diproses, dibeli, dipunyai, diguna, diangkut, dipindah, dikendali, dijual, distor, diimport atau dieksport. Bagi syarikat penjual yang mana sumber sinaran dijual secara terus kepada pengguna yang berlesen, syarikat penjual tersebut hendaklah mengemukakan penyata penjualan kepada Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) dalam tempoh dua (2) minggu selepas penjualan.
3. Namun terdapat syarikat penjual yang menstor secara sementara sumber sinaran sebelum dihantar kepada pengguna yang berlesen atau sebelum dilupuskan (dipindah milik daripada pengguna untuk dilupuskan). Berikutan pemilikan atau penstoran secara sementara sebelum sumber sinaran tersebut dijual atau dilupus, terdapat syarikat penjual yang beranggapan bahawa tiada keperluan untuk mengisytiharkan pemilikan. Sehubungan itu, notis ini dikeluarkan untuk menjelaskan mengenai perkara ini.

ARAHAN ATOM MALAYSIA

4. Atom Malaysia telah memutuskan bahawa, jika pemegang lesen yang melakukan aktiviti penjualan memiliki atau menstor sumber sinaran secara sementara sebelum dijual kepada pengguna yang berlesen atau sebelum dilupuskan, pemegang

¹ “sumber sinaran” ertinya sesuatu radas atau bahan yang berupaya mengeluarkan sinaran mengion.
Rujukan: Peraturan-peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010

lesen tersebut hendaklah mengisytiharkan pemilikan melalui penyata pemilikan secara dalam talian melalui eSPP. Perkara ini adalah selaras dengan peruntukan Subseksyen 20(1) Akta 304.

“Tiap-tiap pemegang lesen yang ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran hendaklah membuat suatu penyata mengenai bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran itu kepada pihak berkuasa berkenaan sebagaimana ditetapkan.”

Keperluan pengisytiharan pemilikan ini bertujuan untuk memantau pergerakan (tarikh dan lokasi penempatan) sumber sinaran dalam tempoh sebelum sumber sinaran diserahkan kepada pembeli atau sebelum dilupuskan.

5. Selaras dengan keputusan tersebut, pemegang lesen yang melakukan aktiviti penjualan yang memiliki atau menstor sumber sinaran hendaklah:

- a) Memastikan tujuan lesen turut merangkumi “memiliki” dan “menstor”; dan
- b) Mengemukakan penyata pemilikan secara dalam talian melalui eSPP dalam tempoh 14 hari setelah memiliki sumber sinaran dengan status “distor”;

6. Proses penyerahan kepada pengguna yang berlesen (pembeli) bagi sumber sinaran yang telah diisytihar dalam penyata pemilikan syarikat penjual boleh dibuat dengan cara pindah milik melalui modul Maklum Balas Penyata Pemilikan di bahagian Pindah Milik tanpa perlu memohon lesen aktiviti pindah milik².

7. Bagi mana-mana pemegang lesen yang belum mengisytiharkan sumber sinaran yang dimiliki atau distor sebelum notis ini dikeluarkan hendaklah mengisytiharkan pemilikan sumber sinaran melalui penyata pemilikan secara dalam talian melalui eSPP dengan kadar segera.

² Lesen aktiviti pindah milik perlu dipohon bagi pindah milik melibatkan pemindahan dari syarikat pengguna kepada syarikat pengguna lain.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

8. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.